



**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**  
**SECRETARY GENERAL OF TREASURY**  
Kementerian Kewangan Malaysia  
*Ministry of Finance Malaysia*  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333  
Faks : 603-8882 4224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Web : www.mof.gov.my

Rujukan : MOF.BKSK 600-1/7/1 JLD.4 (18)

Tarikh : **29** Julai 2026

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/  
Dr./ Tuan/ Puan,

### **PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023) BAGI ARAHAAN PERBENDAHARAAN (AP) 87(b)**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MoF) ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan bahawa terdapat keperluan untuk meminda Arahan Perbendaharaan (AP) 87(b) – Pulangan Balik Hasil bertujuan untuk meningkatkan had nilai kebenaran Pegawai Pengawal selaras dengan prinsip *let managers manage* seterusnya mempercepatkan proses pembayaran pulangan balik hasil dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

3. MoF telah memperhalusi dan bersetuju meluluskan pindaan ke atas AP 87(b) seperti yang berikut:

| <b>Arahan Perbendaharaan</b> | <b>Arahan Perbendaharaan Asal</b>                                                                                                                                                                                          | <b>Arahan Perbendaharaan Dipinda</b>                                                                                                                                                                                                       | <b>Ulasan Pindaan</b>                                                                                         |
|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 87(b)                        | Pulangan balik hasil melebihi RM2,000 sehingga ke amaun RM50,000 memerlukan kebenaran Pegawai Pengawal dan bagi amaun melebihi RM50,000 memerlukan kebenaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri. | Pulangan balik hasil melebihi RM2,000 sehingga ke amaun <b>RM100,000</b> memerlukan kebenaran Pegawai Pengawal dan bagi <b>amaun melebihi RM100,000</b> memerlukan kebenaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri. | Pindaan bertujuan untuk meningkatkan had nilai kebenaran Pegawai Pengawal dan KSP untuk pulangan balik hasil. |

4. Pindaan Arahan Perbendaharaan tersebut berkuat kuasa untuk permohonan pulangan balik hasil yang diproses oleh Kementerian/ Jabatan mulai 1 Ogos 2026 dan telah dimuat naik dalam laman web rasmi MOF yang boleh diakses di <https://www.mof.gov.my/portal/ms/arahan-perbendaharaan>.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI JOHAN MAHMOOD MERICAN)**

s.k. TKSP(D)

TKSP(I)

TKSP(M)

SBKSK